BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 07/08/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 pada hari Khamis, 31 Julai 2008

Perkembangan Monetari dan Kewangan Jun 2008
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.1%.

- Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) sebanyak 13% pada akhir bulan Jun 2008.

- Inflasi meningkat kepada 7.7% pada bulan Jun terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga pengangkutan dan makanan yang ketara.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 07/08/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1930 pada hari Khamis, 31 Julai 2008

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Jun 2008

Pada bulan Jun, pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta meningkat kepada RM65.5 bilion, disokong oleh terbitan sekuriti hutang swasta (*private debt securities*, PDS) dan terbitan ekuiti yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.1%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman secara relatif terus berada pada paras tinggi, dengan pembiayaan menyeluruh yang berterusan kepada sektor produktif.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara amnya stabil. Kadar deposit tetap terus tidak berubah manakala kadar pinjaman purata bank perdagangan lebih rendah pada 6.08% disebabkan oleh persaingan dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.

.

Pada tempoh 1 Jun hingga 30 Julai 2008, ringgit turun naik antara RM3.2145 hingga RM3.2740 berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) disebabkan oleh perubahan jangkaan pasaran terhadap kemungkinan hala pergerakan kadar Fed Funds berikutan data ekonomi AS yang lebih lemah dan kegawatan pasaran kewangan AS yang berterusan. Bagi tempoh tersebut secara keseluruhannya, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.7%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.0%), paun sterling (-0.8%) dan dolar AS (-0.6%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding

dengan baht Thailand dan peso Filipina, masing-masing sebanyak 2.6% dan 0.3%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-2.7%), won Korea (-2.3%), renminbi China (-2.1%), dan dolar Singapura (-0.4%).

Inflasi meningkat kepada 7.7% pada bulan Jun (Mei: 3.8%) disebabkan oleh kenaikan harga yang ketara dalam kategori *pengangkutan* dan *makanan dan minuman tidak beralkohol*. Berikutan penstrukturan semula subsidi bahan api pada 4 Jun 2008, harga dalam kategori *pengangkutan* naik 19.6% (Mei 08: 0.9%). Harga dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* naik 10% (Mei 08: 8.2%) mencerminkan harga yang lebih tinggi dalam subkategori *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah*.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.2% pada akhir bulan Jun disebabkan oleh kredit bank terkumpul kepada sektor swasta yang lebih tinggi dan operasi Kerajaan yang memberikan kesan pengembangan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) sebanyak 13% pada akhir bulan Jun 2008. Nisbah pinjaman tak berbayar (*non-performing loan*, NPL) bersih terus menurun kepada 2.7%.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Jun – 30 Julai, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada bulan Jun dan Julai. Pada 15 Julai 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%, dan dengan inflasi yang lebih tinggi sejak bulan Mei, kadar FD benar telah bertukar menjadi negatif.

Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (*base lending rate*, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (*average lending rate,* ALR) lebih rendah pada 6.08% pada bulan Jun (6.13% pada bulan Mei) disebabkan oleh persaingan dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



Bank Negara Malaysia menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank pada bulan Jun



ALR bank perdagangan terus menurun



Nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit meningkat pada bulan Jun kerana peningkatan pembiayaan melebihi penambahan deposit

Kadar FD purata tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mei 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70
Jun 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70
15 Jul 08	3.08	3.14	3.28	3.36	3.70

Peningkatan inflasi mengurangkan kadar FD benar

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Prestasi ringgit bercampur-campur

Pada tempoh 1 Jun hingga 29 Julai 2008, ringgit turun naik antara RM3.2145 hingga RM3.2740 berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh perubahan jangkaan pasaran terhadap kemungkinan hala pergerakan kadar Fed Funds berikutan data ekonomi AS yang lebih lemah dan kegawatan pasaran kewangan AS yang berterusan. Bagi tempoh tersebut secara keseluruhannya, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.7%) tetapi menyusut nilai

berbanding dengan euro (-1.0%), paun sterling (-0.8%) dan dolar AS (-0.6%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan baht Thailand dan peso Filipina, masing-masing sebanyak 2.6% dan 0.3%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-2.7%), won Korea (-2.3%), renminbi China (-2.1%), dan dolar Singapura (-0.4%).



Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama…



..dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 07	Mei 08	Jun 08	30 Jul 08	Akhir Dis 07 - 30 Jul 08	Akhir Mei 08 - 30 Jul 08
Dolar AS	3.3065	3.2435	3.2665	3.2625	1.3	-0.6
Euro	4.8756	5.0334	5.1565	5.0857	-4.1	-1.0
Paun sterling	6.6070	6.4103	6.5114	6.4643	2.2	-0.8
100 yen Jepun	2.9534	3.0757	3.0749	3.0231	-2.3	1.7
Dolar Singapura	2.2938	2.3760	2.3995	2.3866	-3.9	-0.4
100 baht Thailand	9.8159	9.9923	9.7435	9.7403	0.8	2.6
100 peso Filipina	8.0158	7.4095	7.2759	7.3904	8.5	0.3
100 rupiah Indonesia	0.0352	0.0348	0.0354	0.0358	-1.5	-2.7
100 won Korea	0.3532	0.3161	0.3128	0.3235	9.2	-2.3
Renminbi China	0.4527	0.4672	0.4764	0.4773	-5.2	-2.1

Inflasi meningkat pada bulan Jun

Inflasi meningkat kepada 7.7% pada bulan Jun (Mei: 3.8%) disebabkan oleh kenaikan harga yang ketara dalam sektor *pengangkutan* dan *makanan dan minuman tidak beralkohol.* Berikutan penstrukturan semula subsidi bahan api pada 4 Jun 2008, harga dalam kategori *pengangkutan* naik 19.6% (Mei 08: 0.9%). Harga dalam kategori *makanan dan minuman tidak beralkohol* naik 10% (Mei 08: 8.2%) mencerminkan harga yang lebih tinggi dalam subkategori *makanan di rumah* dan *makanan di luar rumah*. Harga dalam komponen bukan makanan Indeks Harga Pengguna meningkat 6.7% (Mei 08: 1.8%) terutamanya ekoran harga yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan*. Inflasi yang lebih tinggi turut dicatatkan dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau*; *pelbagai barangan dan perkhidmatan* dan *hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah*. Walau bagaimanapun, harga bagi kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi* terus menurun.

Inflasi meningkat kepada 7.7% pada bulan Jun





Inflasi harga pengeluar meningkat sedikit pada bulan Mei

Pada asas tahunan, inflasi harga pengeluar terus meningkat kepada 11.6% pada bulan Mei (April: 11%). Walaupun harga dunia bagi komoditi kekal pada paras tinggi, harga dalam komponen berasaskan komoditi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) naik pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 34.9% (April 08: 37.4%). Sementara itu, kadar kenaikan harga IHPR yang bukan berasaskan komoditi adalah lebih tinggi pada 2.6% (April: 1.4%), memandangkan harga yang lebih tinggi dicatat dalam kategori *kimia dan produk berkaitan, barangan perkilangan yang dikategorikan mengikut bahan* (seperti kertas dan kertas kotak, tembaga, serta batang besi dan keluli) dan *bahan perkilangan pelbagai*.

Dari segi kandungan, harga dalam komponen tempatan IHPR terus naik 14.1% (April: 13.7%). Kenaikan ini sebahagian besarnya mencerminkan harga yang lebih tinggi dalam kategori *makanan dan binatang hidup; minuman dan tembakau* dan *kimia dan produk berkaitan*. Sementara itu, komponen import IHPR turut meningkat 6.4% (April: 5.9%).



Agregat monetari meningkat pada bulan Jun

Pada bulan Jun, wang secara luas atau M3 bertambah sebanyak RM1.8 bilion untuk meningkat pada kadar tahunan 14.2%. Peningkatan M3 disebabkan oleh kredit bank terkumpul kepada sektor swasta yang lebih tinggi dan operasi Kerajaan yang memberikan kesan pengembangan. Walau bagaimanapun,

peningkatan ini sebahagiannya dikurangkan oleh aliran keluar dana asing bersih pada bulan Jun.

Namun, M1 bertambah sebanyak RM5.6 bilion atau meningkat 17.8% disebabkan oleh penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 08	**Apr 08**	**Mei 08**	**Jun 08**
M3	8.1	9.2	5.0	1.8
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	3.2	-1.9	-5.8	3.2
Tuntutan ke atas sektor swasta	4.0	5.3	11.3	9.7
Pinjaman	*3.7*	*4.2*	*9.1*	*9.8*
Sekuriti	*0.3*	*1.1*	*2.2*	*-0.1*
Operasi luar bersih *	5.8	18.8	-6.8	-7.9
Pengaruh lain	-4.8	-12.9	6.4	-3.3

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan terus meningkat

Jumlah deposit dengan sistem perbankan bertambah sebanyak RM3.6 bilion atau meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10.9% pada bulan Jun (Mei: RM131.2 juta; 8.7%), mencerminkan terutamanya penempatan deposit yang lebih tinggi oleh entiti bukan bank dan individu asing. Deposit yang lebih tinggi meliputi kesemua jenis kecuali deposit pasaran wang jangka pendek. Pada bulan itu, aliran keluar pasaran kewangan domestik sebahagiannya menyumbang kepada pengurangan deposit pasaran wang jangka pendek yang termasuk dalam kategori *deposit lain*.

.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 08	**Apr 08**	**Mei 08**	**Jun 08**
Kerajaan Persekutuan	-244	-129	1,900	-1,171
Kerajaan Negeri	129	-131	-67	-141
Badan Berkanun [1]	1,362	148	1,785	197
Institusi Kewangan	2,795	6,848	-6,753	-3,541
Perusahaan Perniagaan	5,017	4,192	56	-1,088
Individu	584	2,393	1,780	3,802
Lain-lain [2]	1,452	1,002	1,431	5,546
Jumlah	11,095	14,323	131	3,606

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 08	**Apr 08**	**Mei 08**	**Jun 08**
Deposit tetap	3,944	499	-2,178	1,065
NID	-737	-339	-464	4,076
Deposit permintaan	458	-1,561	-582	5,019
Deposit tabungan	-957	330	77	722
Perjanjian beli balik (Repo)	-1,109	4,348	-5,020	245
Deposit mata wang asing	-1,183	699	2,817	2,456
Deposit SPI	6,340	1,823	5,163	4,731
Lain-lain[1]	4,339	8,525	318	-14,709
Jumlah	11,095	14,323	131	3,606

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Paras pembiayaan kasar sektor swasta terus kukuh

Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM65.5 bilion pada bulan Jun (Mei: RM58.6 bilion) disokong oleh terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) dan terbitan ekuiti yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pembiayaan kepada sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.1% (Mei: 13.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berjumlah RM65.5 bilion



Jumlah pinjaman stabil…

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Mei 08	Jun-08	Mei 08	Jun-08
Jumlah				
Permohonan pinjaman	40.7	43.0	-9.7	-5.2
Kelulusan pinjaman	26.2	24.7	-19.0	-23.4
Pengeluaran pinjaman	52.6	54.4	15.7	8.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	9.5	10.62	11.0	11.7
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	20.4	21.7	-27.1	-25.8
Kelulusan pinjaman	13.4	11.8	-38.2	-45.6
Pengeluaran pinjaman	36.9	39.4	16.0	9.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.5	7.9	12.6	14.4
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	9.2	9.1	11.8	5.6
Kelulusan pinjaman	4.7	5.5	2.1	-3.4
Pengeluaran pinjaman	13.3	14.4	13.4	20.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.0	1.7	11.0	12.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	20.3	21.2	18.8	32.4
Kelulusan pinjaman	12.8	12.8	20.4	22.9
Pengeluaran pinjaman	15.8	14.9	15.3	6.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.0	2.3	8.7	8.9

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.
[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

…tetapi kadar pertumbuhan tahunan penunjuk pinjaman utama menjadi sederhana disebabkan kesan asas yang tinggi



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Pada bulan Jun, permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan negatif disebabkan oleh kesan asas yang tinggi daripada kemudahan pembiayaan penyambung bersindiket (*syndicated bridging finance facility*) yang besar yang diberikan pada tempoh yang sama pada tahun 2007. Namun begitu, permohonan pinjaman perniagaan meningkat pada asas bulanan disebabkan oleh keperluan pembiayaan yang lebih tinggi bagi modal kerja, terutamanya dalam sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pengeluaran pinjaman perniagaan juga lebih tinggi menyumbang kepada

peningkatan pinjaman perniagaan terkumpul sebanyak 14.4% pada akhir bulan Jun (12.6% pada akhir bulan Mei).

Permintaan pinjaman daripada sektor isi rumah adalah mapan, seperti yang dicerminkan oleh permohonan dan kelulusan pinjaman. Pinjaman isi rumah terkumpul turut meningkat pada kadar yang stabil sebanyak 8.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mei: 8.7%).

Dana bersih diperoleh dalam pasaran modal terus meningkat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi sebanyak RM12.5 bilion pada bulan Jun. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh berjumlah RM10.9 bilion, termasuk dua terbitan besar oleh sebuah institusi kewangan dan anak syarikatnya bagi tujuan penambahan modal. Di samping itu, terdapat dua terbitan oleh syarikat bukan pemastautin berjumlah RM1.1 bilion. Sejumlah besar terbitan PDS diperoleh dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan serta sektor pembinaan. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM10 billion. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM2.5 bilion berikutan terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan 3 tahun.

Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI menurun sejajar dengan pasaran serantau

Pada bulan Jun 2008, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,186.6 (sejak akhir Mei: -7.0%) sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti serantau lain.

Harga minyak mentah yang mencatat rekod tertinggi dan kebimbangan mengenai tahap kelembapan ekonomi AS menyumbang kepada sentimen yang lebih lemah dalam pasaran tempatan. Tekanan inflasi dalam negeri yang meningkat disebabkan harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi turut memberikan kesan kepada sentimen pasaran. Permodalan pasaran menurun kepada RM901.2 bilion (sejak akhir bulan Mei: -7.2%), manakala urus niaga purata harian menurun 19.4% kepada 439.0 juta unit (Mei: 544.6 juta unit).



KLCI terus menurun

Pada 30 Julai, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,159.9 (sejak akhir bulan Jun: -2.2%). Permodalan pasaran keseluruhan lebih rendah pada RM874 bilion (sejak akhir Jun: -3.0%) dan aktiviti dagangan menurun dengan urus niaga purata harian sebanyak of 436.9 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM410.9 bilion (bersamaan dengan USD125.8 bilion) pada 30 Jun 2008. Paras rizab ini telah mengambil kira penambahan nilai rizab disebabkan oleh pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku kedua. Pada 15 Julai 2008, rizab antarabangsa berjumlah RM408.8 bilion (bersamaan dengan USD125.1 bilion). Paras rizab antarabangsa

memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan terus kukuh ketika pinjaman tak berbayar terus menurun

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) pada 13% dan nisbah modal teras pada 10.1%. Modal asas mengembang 2% disebabkan terbitan saham keutamaan kekal tak kumulatif oleh sebuah institusi perbankan. Sementara itu, nisbah NPL bersih terus menurun kepada 2.7% disokong oleh hapus kira yang berterusan, pengelasan pinjaman kepada pinjaman berbayar dan kutipan semula pinjaman oleh institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2006	2007	Apr 08	Mei 08	Jun 08
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.2	9.9	10.1
RWCR	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	13.1	13.0	13.0
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.9	2.8	2.7
Jumlah (RM juta)	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	18,482	18,414	17,759
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Mac 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh…



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dan paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
31 Julai 2008

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 08		Jun 08		Jul 08	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		65.3	9.5	67.4	16.2	68.4	15.7
M1		170.1	15.6	170.3	13.9	175.9	17.8
M2		861.8	14.4	866.7	13.7	869.4	15.9
M3		893.7	12.2	898.7	12.4	900.5	14.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		927.3	9.6	927.4	8.7	931.0	10.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		665.7	10.1	675.3	11.0	685.9	11.7
Nisbah pinjaman-deposit (%)		70.2		71.3		72.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		78.0		79.3		80.0	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		44.4	52.4	40.7	-9.7	43.0	-5.2
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		29.4	57.5	26.2	-19.0	24.7	-23.4
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		55.4	34.1	52.6	15.7	54.4	8.8
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		50.5	31.9	43.5	5.2	45.7	5.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.1		13.0		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.9		2.8		2.7	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		396.6		400.1		410.9	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		124.1		125.2		125.8	
Bilangan bulan import tertangguh		9.7		9.7		9.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.49 [3.50]		3.49 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.52 [3.52]		3.51 [3.52]	
	1 bulan	3.56 [3.55]		3.57 [3.56]		3.56 [3.56]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.14		3.14		3.14	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.19		6.13		6.08	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		108.2	3.0	109.1	3.8	113.4	7.7
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		143.0	11.0	145.4	11.6	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.1580		3.2435		3.2665	
Euro		4.9183		5.0334		5.1565	
Paun Sterling		6.2168		6.4103		6.5114	
100 Yen Jepun		3.0338		3.0757		3.0749	
Dolar Singapura		2.3186		2.3760		2.3995	
100 Baht Thailand		9.945		9.9923		9.7435	
100 Peso Filipina		7.4777		7.4095		7.2759	
100 Rupiah Indonesia		0.0342		0.0348		0.0354	
100 Won Korea		0.3151		0.3161		0.3128	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	5.0		3.5		2.5	
	swasta	1.7		4.5		10.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,279.9		1,276.1		1,186.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		976.7		971.3		901.2	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.